

ZPP agih peruntukan dua skim pendidikan lebih RM19 juta

Bantuan disalurkan kepada pelajar institusi dalam, luar negara mantapkan kemahiran

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Butterworth: Zakat Pulau Pinang (ZPP) mengagihkan peruntukan hampir RM19.82 juta bagi membantu meringankan beban pelajar di negeri itu yang melanjutkan pelajaran melalui Skim Dermasiswa Pengajian dan Skim Permulaan Institut Pengajian Tinggi (IPT) sepanjang tahun ini.

Skim itu disalurkan kepada pelajar yang belajar di institusi dalam dan luar negara merangkumi peringkat diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah (PhD).

Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Datuk Amran Hazali, berkata sejumlah hampir RM14.515 juta disalurkan bagi permohonan Skim Dermasiswa Pengajian, manakala RM5.3 juta diagihkan untuk Skim Permulaan IPT.

Menurutnya, ZPP diberikan tanggungjawab dan amanah untuk menguruskan agihan dermasiswa pengajian sepenuhnya, bermula tahun 2020 yang sebelum itu diuruskan Bahagian Pendidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAINPP).

"Kedua-dua skim ini mem-

MAJLIS PENYERAHAN SKIM DERMASISWA PENGAJIAN & SKIM PERMULAAN IPT BAGI TAHUN 2023



Mohamad (kanan) bersama Amran pada majlis penyerahan Skim Dermasiswa Pengajian sebanyak RM14.515 juta di sebuah hotel di Perai, Butterworth, kelmarin. (Foto Danial Saad/BH)

unyai impak yang besar kepada masyarakat Muslim di Pulau Pinang.

"Ia mempunyai signifikan jelas mengenai agihan disalurkan daripada agihan asnaf fisabilillah yang membawa maksud perkara memberikan masalah dan kebajikan umum kepada umat Islam.

"ZPP menyedari keberkesanan agihan zakat melalui skim zakat pendidikan ini faktor penting dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosioekonomi ummah di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan

Bantuan Dua Skim terbabit yang disempurnakan Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, Datuk Dr Mohamad Abdul Hamid di sebuah hotel di Perai, di sini, kelmarin.

Jelasnya, pihaknya yakin bahawa peningkatan lebih ramai rakyat negeri itu, khususnya generasi muda Muslim yang memiliki kelulusan pengajian pada peringkat tertinggi akan menjadi pemangkin pembangunan yang meletakkan Pulau Pinang di landasan betul untuk mencapai status negeri maju selaras Visi Penang 2030.

Amran berkata, beliau berha-

rap pelajar yang menerima bantuan melalui skim terbabit dapat memantapkan kemahiran, khususnya komunikasi yang ia amat diperlukan, terutamanya ketika memohon pekerjaan kelak.

"Kita tidak mahu pelajar yang menerima bantuan ini sekadar menghafal silibus semata-mata sebaliknya graduan yang faqih dan alim serta mampu mengasah kemahiran berfikir secara berbeza, kerana di dunia sebenar nanti tiada skema jawapan disediakan.

"Ingatlah skim ini adalah daripada dana zakat yang kelestariannya bergantung kepada anda

semua (pelajar) apabila telah tamat belajar dan bekerja. Diharap kejayaan anda nanti dapat menjadi pembayar zakat seterusnya meneruskan membantu insan yang lain," katanya.

Bantu ringankan beban

Sementara itu, Mohamad berkata, beliau dimaklumkan seramai 3,545 pelajar yang melanjutkan pelajaran di institusi dalam dan luar negara menerima bantuan Skim Dermasiswa Pengajian, manakala seramai 4,490 pelajar pula menerima Skim Permulaan IPT bagi membantu meringankan bebanan perbelanjaan awal mereka.

"Menyedari kepentingan pendidikan kepada masyarakat Islam di Pulau Pinang, maka kerajaan negeri terus giat memainkan peranan menerusi agensinya, iaitu ZPP menyalurkan dana zakat dalam bentuk agihan zakat pendidikan kepada pelajar Muslim bagi memastikan kelestarian pendidikan berkualiti bagi membangunkan generasi ummah yang cemerlang.

"Dalam konteks gagasan Malaysia MADANI, saya percaya dengan dana agihan zakat pendidikan yang diuruskan oleh ZPP, seiring dan bertepatan dengan pendekatan model ekonomi MADANI. Ia bertitik tolak daripada falsafah pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang manusiawi berteraskan nilai, kemasyarakatan, peradaban dan norma.

"Hal ini juga selaras dengan iltizam kerajaan melalui gagasan Malaysia MADANI untuk mengislahkan sistem pendidikan negara bagi melahirkan bakat tersedia pada masa hadapan," katanya.



Mohamad menyerahkan Skim Dermasiswa Pengajian kepada penerima sambil disaksikan Amran di sebuah hotel di Perai, Butterworth, kelmarin.